

**Syarat-Syarat Penyertaan bagi Pertandingan Mencipta Produk dari
Bahan Terpakai dan Kitar Semula
Pesta Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2017**

- i) Pertandingan ini dibukakan kepada warganegara Brunei Darussalam.
- ii) Penyertaan adalah terbuka kepada penyertaan individu atau berkumpulan dengan bilangan ahli tidak melebihi tiga (3) orang.
- iii) Peserta hendaklah menyediakan prototype yang boleh beroperasi. Kos ciptaan, bahan keperluan dan persiapan adalah di atas tanggungan individu atau kumpulan masing-masing. Bahan-bahan yang digunakan adalah terdiri dari pelbagai barangan terpakai atau kitar semula seperti plastik, kertas, tin dan lain-lain.
- iv) Ciptaan yang dihasilkan mestilah sesuai dengan tema pertandingan iaitu “Merangsang Produktiviti Melalui Teknologi”. Ciptaan mestilah menunjukkan impak pengeluaran hasil pertanian yang tinggi dan mampan, dengan kos penciptaan / pembuatan yang rendah.
- v) **Pertandingan dibahagikan kepada dua (2) kategori:**
 - 1. Ciptaan Produk dari Bahan Terpakai**
 - 2. Ciptaan Produk dari Bahan Kitar Semula**
- vi) Cetusan idea ciptaan mestilah daripada janaan idea sendiri dan bukan tiruan (*plagiarism*).
- vii) Adaptasi penambahbaikan idea sedia ada boleh diterima pakai selagi aspek penambahbaikan tersebut merupakan faktor utama hasil kreativiti.
- viii) Idea rekabentuk mestilah asli dan tidak pernah dikomersial, dipamer atau diajukan kepada sektor pembuatan.
- ix) Mana-mana penyertaan yang pernah dikemukakan dalam mana-mana pertandingan luar sebelum ini atau didapati meniru / meniplak idea adalah TIDAK LAYAK untuk menyertai pertandingan ini. Pihak Jawatankuasa Pertandingan BERHAK menolak penyertaan atau menarik balik sebarang bentuk hadiah yang diperolehi sekiranya peserta didapati mengemukakan penyertaan yang sama sebelum pertandingan ini.
- x) Keputusan panel hakim adalah MUKTAMAD.
- xi) Borang penyertaan yang lengkap hendaklah dikembalikan sebelum 31 Julai 2017 melalui email pp2017.pertandingan@gmail.com atau hantar terus ke Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Airport Lama Berakas.
- xii) Hasil dan ringkasan laporan ciptaan hendaklah diserahkan dan dihantar terus ke Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Airport Lama Berakas pada 30 September 2017.

***Borang Penyertaan bagi Pertandingan Mencipta Produk dari
Bahan Terpakai dan Kitar Semula
Pesta Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2017***

Dengan penyertaan ini, saya/kami mengaku perkara-perkara seperti berikut:

- Saya/Kami mengisytiharkan bahawa produk rekaan saya/kami adalah asli dan sekiranya ianya sebaliknya, saya/kami bersedia untuk mengembalikan semula hadiah yang kami menangi kepada pihak penganjur.
- Saya/Kami bertanggungjawab untuk menanggung semua kos yang terlibat dalam menyertai pertandingan ini.
- Saya/Kami telah membaca, memahami dan memenuhi kesemua syarat dan peraturan untuk pertandingan ini.

Nama peserta / Nama Kumpulan (dan ahli-ahlinya)			
Kad Pengenalan			
No. Telefon			
Email			
Nama / Tajuk Produk			
Kategori		Bahan Terpakai	
			Bahan Kitar Semula
Ringkasan ciptaan produk yang dilaksanakan dalam mengatasi masalah berkaitan			

Yang benar,

Tandatangan

Tarikh